# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Keretapi (Pindaan) 1987**

**DR.7/1987**

**D.R. 7/87**

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa.

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keretapi (Pindaan) 1987.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Seksyen 4A baru. *Ord. 8/48.*

**2.** Ordinan Keretapi 1948, yang dalam Akta ini disebut "Ordinan", adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 4, seksyen 4A baru yang berikut:

"Establishment of company, etc.

4A. The Railway Administration, with the approval of the Minister and the concurrence of the Minister of Finance, may—

*(a)* enter into any arrangement for sharing profits, union of interest, cooperation or joint venture with any person or body of persons; or

*(b)* establish or promote the establishment and expansion of companies under the Companies Act 1965.". *Act 125.*

Seksyen 12A baru.

3. Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 12, seksyen 12A baru yang berikut:

"Powers of the Minister in relation to Railway Administration.

12A. The Minister may, after consultation with the Railway Administration, give to the Railway Administration directions of a general character and not inconsistent with this Ordinance as to the exercise and performance of its functions in relation to matters which appear to him to affect the interests of Malaysia and the Railway Administration shall give effect to all such directions.".

Seksyen 39B baru.

4. Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 39A, seksyen 39B baru yang berikut:

"Power of Railway Administration to authorise or grant licence.

39B. The Railway Administration may, with the approval of the Minister, authorise or grant a licence on such conditions as the Railway Administration may think fit to any company, firm, person or persons to undertake any activities of the Malayan Railway as may appear to the Railway Administration to be necessary.".

Seksyen 41A baru.

5. Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 41, seksyen 41A baru yang berikut:

"Submission of memorandum for any change in existing structure of fares, etc.

41A. (1) Any person or body of persons authorised or licensed under this Ordinance shall prepare and submit to the Railway Administration a memorandum for any change in the existing structure of fares, rates or charges prescribed under section 39, 40 or 41 for the approval of the Minister, and where no reply is received from the Railway Administration as regards the memorandum submitted within six months of its submission, the change in the existing structure of fares, rates or charges shall take effect on the expiration of such period.

(2) The person or body of persons authorised or licensed under this Ordinance shall as soon as practicable publish the change in the existing structure of fares, rates or charges in the local newspapers, at least one in the Malay language and one in the English or Chinese language.

(3) The Railway Administration shall as soon as practicable make the necessary notification in the *Gazette* in respect of the change in the existing structure of fares, rates or charges.".

**6.** Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja BAHAGIAN XIV, BAHAGIAN XIVA baru yang berikut: BAHAGIAN XIVA baru.

"

PART XIVA

SPECIAL POWERS

Special powers in emergency.

122A. (1) On the occurrence of any public emergency or in the interest of public safety the Prime Minister or any officer specially authorised by him in that behalf may—

*(a)* take temporary possession of any railway services or facility established, maintained or worked by a person authorised or licensed under this Ordinance; or

*(b)* withdraw either partially or totally the use of any railway services or facility from any person or class of persons or from the public at large.

(2) If any doubt arises as to the existence of a public emergency or whether any act done under subsection (1) was in the interest of public safety, a certificate signed by the Prime Minister and exhibited at such places as the Minister deems fit shall be conclusive proof on the point.

(3) Where the Government takes possession of any railway service or facility under paragraph *(a)* of subsection (1), adequate compensation shall be paid.".

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Ordinan Keretapi 1948.

2. *Fasal 2* bertujuan memasukkan seksyen 4A baru untuk memberi kuasa kepada Pentadbiran Keretapi dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan bagi menceburi dalam apa-apa perkiraan bagi berkongsi keuntungan, dan lain-lain dengan mana-mana orang atau untuk menubuhkan atau menggalakkan penubuhan dan pengembangan mana-mana syarikat.

3. *Fasal 3* bertujuan memasukkan seksyen 12A baru yang memberi kuasa kepada Menteri bagi membuat arahan-arahan berbentuk am kepada Pentadbiran Keretapi berhubungan dengan perkara-perkara yang pada pendapatnya menyentuh kepentingan negara dan Pentadbiran Keretapi hendaklah memberi kesan ke atas arahan-arahan tersebut.

4. *Fasal 4* bertujuan memasukkan seksyen 39B baru bagi memberi kuasa kepada Pentadbiran Keretapi dengan kelulusan Menteri untuk memberi kuasa kepada atau melesenkan mana-mana syarikat atau orang bagi menjalankan mana-mana aktiviti Keretapi Tanah Melayu.

5. *Fasal 5* bertujuan memasukkan seksyen 41A baru yang menghendaki mana-mana orang yang diberi kuasa atau dilesenkan di bawah Ordinan mengemukakan memorandum kepada Pentadbiran Keretapi berkenaan dengan apa-apa pengubahan struktur tambang, dan lain-lain, yang sedia ada.

6. *Fasal 6* bertujuan memasukkan Bahagian XIVA baru untuk memberi kuasa-kuasa khas kepada Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan khasnya oleh Perdana Menteri dalam hal berlakunya darurat awam atau bagi kepentingan menjaga keselamatan orang awam.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. ($U^2$) 1422.]

PARLIMEN
MALAYSIA